

# Pembahagian Harta Pusaka Kecil

## 1. PENGENALAN

- 1.1. Untuk memberi garis panduan yang ringkas tentang tatacara tuntutan pembahagian pusaka kecil.
- 1.2. Untuk menyedarkan orang ramai betapa pentingnya pembahagian tuntutan pusaka itu perlu dibuat secepat mungkin

## 2. UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL

- 2.1. Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil mempunyai 36 unit di seluruh negara. Setiap unit bertanggungjawab menerima permohonan, membicarakan serta mengeluarkan perintah pembahagian terhadap dua atau tiga daerah jagaan
- 2.2. Bagi daerah di mana tiada unit pusaka kecil, urusan penerimaan permohonan (**Borang A dan Borang P**) boleh dibuat melalui Pejabat Tanah di daerah-daerah berkenaan

## 3. APAKAH HARTA PUSAKA KECIL

- 3.1. Harta pusaka kecil ialah harta yang ditinggalkan oleh simati dan mempunyai ciri - ciri berikut :-
  - a) Simati tidak meninggalkan wasiat ( bagi simati bukan Islam )
  - b) Harta itu terdiri daripada :
    - i) Harta Tak Alih (Tanah/Rumah) sahaja, **atau** ;
    - ii) Harta Tak Alih (Tanah/Rumah ) bersama-sama dengan harta alih seperti wang tunai, saham, kenderaan, carumah KWSP/Insuran ( tanpa penama ), ASN/ASB dan sebagainya
  - c) Jumlah nilai keseluruhan harta itu hendaklah tidak melebihi RM2 juta ( mulai 1 September 2009) pada tarikh permohonan dibuat.

#### **4. CARA MEMBUAT PERMOHONAN PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL (SEKSYEN8 ) - AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955**

4.1. Setiap permohonan untuk pembahagian pusaka kecil hendaklah dibuat dalam **Borang A**

4.2. Setiap permohonan mestilah disertakan dengan:-

a) **Bukti Kematian**

- i) Sijil kematian/permit menguburkan; **atau**
- ii) Surat Akuan Sumpah oleh 2 orang saksi bebas yang menyaksikan jenazah dikebumikan, contohnya bagi kematian semasa pendudukan Jepun dan sebelumnya; **atau**
- iii) Perintah Anggapan Kematian yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi dalam keadaan seperti kematian tanpa kubur, hilang semasa pendudukan Jepun, tragedi 13 Mei 1969, tragedi Muassem, dan perintah ini hanya boleh didapati selepas 7 tahun dari tarikh berlakunya kejadian.

b) Dokumen Harta Tak Alih - Salinan hakmilik yang diakui sah oleh Pejabat Tanah atau Perakuan Carian Rasmi yang menunjukkan pegangan harta tak alih simati atau surat perjanjian jualbeli bagi rumah yang belum ada hakmilik yang berasingan, salinan resit cukai pintu bagi kediaman/bangunan Hak Milik Strata yang belum dikeluarkan dan resit cukai tanah (jika ada)

c) Salinan dokumen harta - harta alih seperti salinan sijil saham, salinan buku akaun simpanan, salinan hak milik kenderaan, salinan penyata KWSP dan sebagainya yang terkini.

#### **5. SIAPAKAH YANG BERHAK MEMOHON**

5.1. Di antara mereka yang berhak memohon adalah seperti berikut:-

- a) Waris - waris simati seperti balu lelaki atau perempuan, anak lelaki atau perempuan, ibu atau bapa, Majlis Agama Islam ( Baitulmal ) dan sebagainya;
- b) Pemiutang dan pengkaveat;
- c) Pembeli di bawah surat perjanjian jual beli yang sah;
- d) Pemegang gadaian atau pemegang pajakan tanah simati;
- e) Penghulu atau Pegawai Petempatan yang diarahkan oleh Pentadbir Tanah;
- f) Amanah Raya Berhad .

## **6. DI MANAKAH PERMOHONAN DIKEMUKAKAN**

- 6.1 Di Unit Pembahagian Pusaka/Pejabat Tanah di mana harta tak alih simati terletak.
- 6.2 Sekiranya simati mempunyai harta tak alih ( tanah ) di banyak tempat sama ada di dalam negeri yang sama atau negeri yang berlainan, permohonan pembahagian kesemua harta tak alih itu hendaklah dikemukakan di salah satu daerah sahaja iaitu di mana harta tak alih itu terletak.

## **7. MENGHADIRI PEMBICARAAN**

- 7.1. Semua dokumen asal seperti bukti kematian, hakmilik tanah, kad pengenalan, surat beranak, surat nikah, bukti-bukti harta alih dan lain dokumen yang difikirkan perlu hendaklah dibawa semasa pembicaraan.
- 7.2. Semua pihak yang diminta hadir adalah dikehendaki hadir di hari pembicaraan .
- 7.3. Semua keterangan semasa pembicaraan hendaklah diberi secara bersumpah/berikrar.
- 7.4. Mana-mana waris yang tidak dapat hadir bolehlah mengemukakan Surat Akuan Persetujuan yang ditandatangani di hadapan Pentadbir Tanah, Majistret , Pesuruhjaya Sumpah atau Notaris Awam Sila nyatakan cara pembahagian yang dikehendaki dengan jelas. Surat Akuan Persetujuan boleh didapati di semua Unit Pembahagian Pusaka, Pejabat Tanah atau di muat turun melalui laman web jabatan iaitu [www.kptg.gov.my](http://www.kptg.gov.my)

## **8. CARA HARTA PUSAKA KECIL DIBAHAGIKAN**

- 8.1. Pembahagian adalah mengikut Hukum Syarak bagi orang Islam.
- 8.2. Bagi bukan Islam, Pembahagian adalah mengikut Akta Pembahagian 1958 (Akta 300).
- 8.3. Pembahagian secara muafakat boleh dilaksanakan jika semua waris yang berhak mewarisi harta pusaka simati bersetuju.
- 8.4. Pembahagian bagi pegangan desa di bawah Akta Tanah (Kawasan - kawasan Penempatan Berkelompok )1960 tidak boleh dibuat lebih dari dua orang. Jika lebih dari dua orang yang berhak dan mereka tidak bersetuju secara muafakat memberi kepada dua orang sahaja daripada mereka, Pentadbir Tanah boleh menjual pegangan itu dan hasil jualannya dibahagikan di kalangan orang yang berhak.

8.5. Jika simati meninggalkan tanah di Daerah Jelevu, Kuala Pilah, Rembau , Tampin dan Jempol dan ianya adalah ahli sesuatu suku di Negeri Sembilan, pembahagian pusakanya adalah mengikut Bahagian III Akta.

8.6. Perintah jualan secara tender dalam keadaan tertentu mengikut peruntukan 15(4)(d) Akta.

## **9. JANGKAMASA MEMPROSES SESUATU TUNTUTAN**

9.1. Jangkamasa minima memproses sesuatu tuntutan kes biasa adalah dalam tempoh 5 ½ bulan bagi Permohonan Baru – Borang A Seksyen 8

9.2 Bagi kes yang melibatkan kematian berlapis dan harta berada didalam daerah yang berlainan jangkamasa proses mungkin meelbihi dari tempoh di atas.

## **10. RAYUAN TERHADAP PERINTAH**

10.1 Mana - mana pihak yang tidak puashati dengan perintah pembahagian yang telah dibuat hendaklah membuat rayuan melalui Pentadbir Tanah ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 14 hari dari tarikh perintah itu dibuat. (Seksyen 29 Akta & Peraturan 10, Peraturan Harta Pusaka Kecil 1955) .

## **11. PENDAFTARAN PERINTAH PEMBAHAGIAN**

11.1. Setelah perintah pembahagian dikeluarkan, pihak waris hendaklah mengemukakan hakmilik tanah (Geran) ke Pejabat Tanah berkaitan untuk tujuan pendaftaran perintah pembahagian tersebut.

11.2. Bagi maksud pembahagian harta alih, pihak waris hendaklah mengemukakan perintah pembahagian ke agensi /institusi yang bertanggungjawab terhadap harta alih tersebut.

## **12. PERMOHONAN BERIKUTNYA (SEKSYEN 17 AKTA)**

12.1. Ianya adalah satu permohonan yang dibuat selepas permohonan awal ( Borang A- Seksyen 8 Akta ) telah diselesaikan.

- a) Permohonan Berikutnya boleh dibuat dalam keadaan seperti:
- i) Ada harta yang tertinggal di dalam permohonan awal;
  - ii) Apabila perlu melantik seorang pemegang amanah yang baru;
  - iii) Apabila perlu melantik seorang pentadbir yang baru;
  - v) Untuk membatalkan suratkuasa tadbir dan pembahagian dibuat secara terus kepada waris simati;
  - iv) Untuk menarik balik sesuatu Kaveat Pendaftar ;

12.2. Setiap permohonan berikutnya hendaklah dengan menggunakan **Borang P**.

## **13. MENGAPA PERMOHONAN PUSAKA PERLU DIBUAT SEGERA**

- 13.1. Mengelakkan bilangan waris yang ramai akibat daripada kematian berlapis.
- 13.2. Memudahkan proses pembahagian pusaka.
- 13.3. Membolehkan harta pusaka dimanfaatkan dengan segera bagi faedah semua waris.
- 13.4. Mengelakkan berlakunya tanah terbiar.
- 13.5. Mengelakkan wang simpanan simati dalam mana-mana institusi kewangan, atau koperasi, saham-saham, bon daripada dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.

## **14. BAYARAN**

14.1. **Bayaran Pendaftaran:**

- a) Percuma bagi permohonan baru (**Borang A - Seksyen 8-Akta** )
- b) Percuma bagi Permohonan Berikutnya ( **Borang P - Seksyen 17 Akta** ).

14.2. **Bayaran Selepas pembicaraan :**

a) Bayaran perintah berdasarkan nilai terkini harta simati ( seperti senarai harta simati di Borang Permohonan- Borang A Seksyen 8 Akta). Jika nilai keseluruhan harta simati:

- RM1.00 hingga RM1,000.00 bayaran perintah adalah RM10.00, jika RM1,001 hingga

RM50,000 bayaran perintah RM30.00 manakala jika nilai adalah RM50,001 dan ke atas bayaran perintah adalah 0.2% dari nilai harta si mati.

- b) RM30 bagi bayaran perintah permohonan berikutnya ( Seksyen 17 ) yang melibatkan permohonan seperti membatalkan Pemegang Amanah, Kaveat Pendaftar ataupun membatalkan Pentadbir. Jika melibatkan ketinggalan harta, bayaran perintah hendaklah mengikut nilai harta terkini yang diselesaikan di bawah Seksyen 17 Akta ( Permohonan Berikutnya ) sahaja
- c) Jumlah bayaran bagi mendaftarkan perintah pembahagian dalam hakmilik tanah (geran) adalah mengikut peraturan -peraturan tanah negeri;
- d) Duti Harta Pusaka - (jika ada) akan ditentukan di akhir pembicaraan mengikut nilai harta pada tarikh mati. Jumlah yang dikenakan tertakluk kepada peruntukan di bawah Akta Duti Harta Pusaka 1941.
- e) Salinan perintah pembahagian dibekalkan secara percuma bagi salinan pertama dan bayaran RM 5.00 dikenakan bagi salinan kedua dan seterusnya.
- f) Salinan perintah pembahagian yang diperlukan oleh mana-mana orang selain daripada pentadbir/ waris dikehendaki membayar RM 30.00 bagi salinan pertama dan RM 10.00 bagi salinan kedua dan seterusnya.

14.3. **Sekiranya ada rayuan ke Mahkamah Tinggi** bayaran yang akan dikenakan adalah seperti berikut:

- a) RM 50.00 bagi bayaran fee rayuan;
- b) RM 1500.00 bagi bayaran deposit rayuan;
- c) Bayaran menyediakan salinan dokumen yang dikehendaki bagi salinan pertama adalah RM30. Bagi salinan kedua dan seterusnya adalah RM10;

14.4. Bayaran untuk mendapatkan salinan pertama Nota Pembicaraan RM30.00- bagi setiap Folio 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya dan RM 10.00 bagi salinan kedua/seterusnya setiap 100 patah perkataan atau sebahagian daripadanya

## **15. CIRI - CIRI ISTIMEWA PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL**

15.1. Di antara ciri-ciri istimewa dalam pembahagian pusaka kecil ialah:

- a) Borang permohonan ( **Borang A** ) boleh didapati di Unit Pembahagian Pusaka Kecil atau Pejabat Tanah daerah;
- b) Pembicaraan boleh diadakan di Balai Raya/ Balai Penghulu Dewan Orang Ramai yang

berhampiran dengan tanah peninggalan simati;

c) Perkhidmatan peguam tidak diperlukan;

d) Penyerahan/ penerimaan hak/ bahagian sesama waris boleh dibuat semasa pembicaraan dan tidak dikenakan apa - apa bayaran;

e) Pembicaraan boleh dibuat di mana-mana daerah yang terdapatnya harta simati;

f) Pembahagian boleh dibuat secara terus kepada waris simati dan suratkuasa tadbir hanya diberi dalam keadaan tertentu.

**PANDUAN INI ADALAH PENERANGAN RINGKAS SAHAJA. SEKIRANYA  
TUAN/PUAN MEMPUNYAI MASALAH DAN INGIN MENDAPATKAN  
KETERANGAN DENGAN LEBIH LANJUT SILA RUJUK RUANGAN MUAT TURUN  
BORANG ( PEMBAHAGIAN PUSAKA KECIL) UNTUK MENDAPATKAN BORANG-  
BORANG PERMOHONAN, ALAMAT UNIT-UNIT PEMBAHAGIAN PUSAKA  
SELURUH SEMENANJUNG YANG BOLEH DIHUBUNGI SERTA PANDUAN LAIN  
YANG BERKAITAN.**